

**SIARAN MEDIA**

Untuk Hebahan Segera



**ISLAMIC  
RELIEF  
MALAYSIA**



**MAJLIS MENANDATANGANI MEMORANDUM PERSEFAHAMAN ANTARA  
ISLAMIC RELIEF MALAYSIA DAN UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA  
MALAYSIA**

**BANGI, 14 Mei 2024** – Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara Islamic Relief Malaysia (IR Malaysia) dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) telah diadakan pada hari ini bertempat di pejabat IR Malaysia.

MoU berkenaan telah disempurnakan oleh Datuk Nur Iskandar A Samad, Ahli Lembaga Pemegang Amanah IR Malaysia bersama Prof. Dr. Akmal Khuzairy Abd. Rahman, Timbalan Rektor (Pembangunan Pelajar dan Penglibatan Komuniti) UIAM sambil disaksikan oleh Tn. Mohd Shukor Tahir, Ketua Pegawai Eksekutif IR Malaysia dan Tn. Anizam Hj. Ali, Timbalan Pengarah Kanan, Pejabat Timbalan Rektor (Pembangunan Pelajar dan Penglibatan Komuniti) UIAM.

MoU ini dimeterai hasil kesepakatan IR Malaysia dan UIAM dalam memperkasa aktiviti kemanusiaan di pelbagai peringkat bukan sahaja di UIAM Kampus Gombak bahkan di kampus-kampus UIAM yang lain.

Datuk Nur Iskandar menekankan bahawa IR Malaysia berbesar hati dapat memeterai kerjasama ini dan sentiasa membuka ruang kepada mana-mana pihak untuk menjadi sebahagian daripada organisasi itu dalam memperkasa komuniti dan meringankan penderitaan golongan memerlukan.

“Kolaborasi bersama UIAM ini merupakan satu peristiwa penting dalam misi IR Malaysia untuk memberikan bantuan dan sokongan kepada komuniti yang memerlukan. Dengan menggabungkan kepakaran dan sumber yang ada, insya-Allah, kita boleh menyumbang lebih kepada masyarakat dan mencapai impak yang lebih berkesan.

“Saya percaya, jalinan kerjasama strategik ini akan membantu pelajar dan kakitangan UIAM dalam membentuk sahsiah dan menjadi individu yang mempunyai sifat keprihatinan yang tinggi.

“Mereka akan didedahkan dengan pelbagai kisah realiti kehidupan masyarakat dan berpeluang mengumpul pengalaman berharga agar mereka dapat mendalami dan memahami makna kemanusiaan yang sebenar,” katanya.

Sebagai sebuah organisasi yang berpengalaman dalam menjalankan kerja-kerja kebajikan dan kemasyarakatan, kolaborasi ini dijangka membuka jalan kepada pelbagai program dan projek bersama, termasuk aspek pembangunan pelajar, perkongsian pintar dalam bentuk akademik seperti penyelidikan serta penglibatan pelajar dalam aktiviti kesukarelawanan dan kempen kesedaran.

Manakala bagi UIAM, universiti tersebut menggalakan para pelajarnya melibatkan diri dengan masyarakat tempatan dan global secara aktif dalam memastikan pertumbuhan kehidupan yang mampan dan membawa *Rahmatanlil Alamin* kepada umat manusia.

UIAM menyokong konsep Komniversiti dalam memastikan pelajar UIAM memahami peranan mereka sebagai Khalifah dan percaya bahawa pendidikan bukan sekadar pembelajaran di kelas dan mereka bertanggungjawab untuk menyumbang kembali kepada masyarakat.

MoU ini menandakan usaha pemupukan dan pembentukan kerjasama rasmi antara dua pihak yang sedia berkongsi kepakaran, pengalaman, sumber, dan jaringan rangkaian untuk membina masyarakat yang lebih baik dan meningkatkan kualiti hidup masyarakat di peringkat global.

Dengan latar belakang etnik yang berbeza dari pelbagai negara, UIAM percaya persetujuan bersama ini akan membawa manfaat yang besar ke arah objektif dan misi usaha masing-masing.

### **Kerjasama IR Malaysia dan UIAM**

Sejak tahun 2011, IR Malaysia telah bekerjasama dengan UIAM menerusi pelbagai program antaranya Lawatan ke Perkampungan Orang Asli, Ekspos Kemanusiaan, Teater Lelaki Dari Dhaka, Malam Kemanusiaan, Misi Kemanusiaan Lombok, *Water Ballon Charity Run* dan pelbagai lagi.

“Besar harapan saya untuk melihat IR Malaysia dan UIAM membentuk kolaborasi sebegini yang akan memberi manfaat kepada kedua-dua belah pihak terutama dalam bentuk akademik serta jaringan industri dan komuniti bersama rakan kerjasama strategik UIAM yang lain,” tambah Datuk Nur Iskandar.

Turut hadir dalam majlis yang bersejarah ini ialah pihak pengurusan, pegawai-pegawai kanan serta sukarelawan dari kedua-dua organisasi.

- TAMAT -

---

### **Mengenai Islamic Relief (IR)**

Islamic Relief (IR) merupakan sebuah organisasi bantuan dan pembangunan kemanusiaan antarabangsa yang ditubuhkan pada tahun 1984 dan beribu pejabat di Birmingham, United Kingdom. IR berkhidmat di lebih 45 buah negara dan telah membantu ratusan juta orang sejak beroperasi. Skop bantuan Islamic Relief merangkumi bantuan kecemasan, pembangunan mampan bersepada, pengurangan risiko bencana dan advokasi.

## **Mengenai Islamic Relief Malaysia (IR Malaysia)**

Islamic Relief Malaysia (IR Malaysia) telah ditubuhkan pada tahun 2005, bertujuan untuk meneruskan bantuan kemanusiaan Islamic Relief di rantau Asia-Pasifik. Kini, IR Malaysia berperanan sebagai pejabat penjanaan dana dan pelaksana projek tempatan dan antarabangsa.

Maklumat lanjut mengenai IR Malaysia boleh diperoleh di [www.islamic-relief.org.my](http://www.islamic-relief.org.my).

## **Mengenai Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)**

Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) ditubuhkan pada tahun 1983 bertujuan untuk mengintegrasikan nilai-nilai Islam dalam program akademiknya, sambil memupuk perkembangan seimbang pelajar yang dilengkapi secara rohani dan profesional untuk memimpin dan berkhidmat kepada Ummah Islam. Universiti ini beroperasi di beberapa kampus dengan pusat pentadbiran utama di Gombak, Selangor, serta kampus tambahan di Kuala Lumpur, Pahang, dan Johor. UIAM menawarkan pelbagai program ijazah pertama dan pascasiswazah dan komited kepada misinya untuk Integrasi, Islamisasi, Internasionalisasi, dan Kecemerlangan Komprehensif (IIICE).

---

Dikeluarkan oleh: Unit Komunikasi Strategik, Pejabat KPE Islamic Relief Malaysia. Untuk keterangan lanjut, hubungi Zafirah Zahari di talian 019-220 1788 atau e-mel ke [Zafirah.Zahari@islamic-relief.org.my](mailto:Zafirah.Zahari@islamic-relief.org.my)